

KAJIAN

Perbandingan Perkataan Melayu Tulisan Jawi dalam Kitab Syeikh Daud Al-Fatoni dan Kitab Syeikh Ismail Lutfi Fatoni: Satu Kajian PerkembanganSuraiya Chapakiya¹ Abdulkarim Duerawee² Adareena Chema³ Islahuddin⁴¹Ph.D (Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu), Ketua Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Fatoni, Wilayah Pattani²Magister Pengkajian Bahasa, Pensyarah Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Fatoni, Wilayah Pattani³Magister Pendidikan Islam, Pensyarah Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Fatoni, Wilayah Pattani⁴Magister Ilmu Sastera, Pensyarah Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Fatoni, Wilayah Pattani**Corresponding Author, Email :** Suraiyachapakiya@ftu.ac.th **Tel :** 089 737 2716**Received :** February 02, 2024 *** Revised :** June 01, 2024 *** Accepted :** June 12, 2024**Abstrak**

Perkataan Melayu tulisan Jawi merupakan identiti Patani yang dalam perkembangannya terdapat variasi perkataan. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan persamaan dan perbezaan perkataan Melayu tulisan Jawi dalam kitab Syeikh Daud Al-Fatoni dan kitab Syeikh Ismail Lutfi Fatoni. Sumber data kajian adalah kitab *Jam'u al-Fawaid wa Jawazir al-Qalaid* karya Syeikh Daud Al-Fatoni dan kitab *Hakikat Al Syaitan Al Rajim* karya Syeikh Ismail Lutfi Fatoni. Teknik pengumpulan data dilakukan dengan teknik pembacaan dan pencatatan. Teknik analisis data yang digunakan iaitu mengidentifikasi data, mengelompokkan data, mendeskripsikan data, dan menyimpulkan data. Hasil kajian menunjukkan bahawa perbandingan perkataan Melayu tulisan Jawi dalam kitab Syeikh Daud Al-Fatoni dan kitab Syeikh Ismail Lutfi Fatoni terdapat dua bahagian iaitu persamaan dan perbezaan. Bahagian persamaan didapati persamaan huruf ف (titik satu) bagi kedua-dua pengarang yang berbeza bunyi /P/ ف (titik tiga) dalam buku *Kaedah Ejaan Jawi Fatoni*. Manakala huruf ta marbutah bagi kata serapan bahasa Arab adalah sama bagi kedua pengarang dan selaras dengan buku *Kaedah Ejaan Jawi Fatoni*. Sementara itu, bahagian perbezaan didapati menggunakan huruf ta marbutah dan ta maftuhah. Huruf ta marbutah di akhir kata digunakan untuk kata serapan bahasa Arab, manakala huruf ta maftuhah digunakan dalam bahasa jati Melayu asalnya. Manakala huruf saksi waw digunakan untuk bunyi /u/ pada suku kata /ku/ dan /mu/, sedangkan akhiran /i/ pada suku kata akhir /i/ hendaklah wujud hamzah (ء) sebelum huruf saksi /ya/ untuk bunyi /i/.

Kata Kunci: perkataan Melayu, tulisan Jawi, kitab, Syeikh Daud Al-Fatoni, Syeikh Ismail Lutfi Fatoni

RESEARCH

Comparison of Jawi Written Malay Words in the Book of Sheikh Daud Al-Fatoni and the Book of Sheikh Ismail Lutfi Fatoni: A Study of Development

Suraiya Chapakiya¹ Abdulkarim Duerawee² Adareena Chema³ Islahuddin⁴

¹Ph.D (Phonetics & Phonology of the Malay Language), Head of Malay Department, Fatoni University, Ch. Pattani

²Master of Education, Lecturer of Malay Department, Fatoni University, Ch. Pattani

³Master of Islamic Education, Lecturer of Malay Department, Fatoni University, Ch. Pattani

⁴Master of Arts, Lecturer of Malay Department, Fatoni University, Ch. Pattani

Corresponding Author, Email : Suraiyachapakiya@ftu.ac.th **Tel :** 089 737 2716

Received : February 02, 2024 *** Revised :** June 01, 2024 *** Accepted :** June 12, 2024

Abstract

Malay words written in Jawi are a Patani identity and in its development, there are variations of words. This study aims to explain the similarities and differences in Malay words written by Jawi in the book of Sheikh Daud Al-Fatoni and the book of Sheikh Ismail Lutfi Fatoni. The data sources for the study are the book *Jam'u al-Fawaid wa Jawazir al-Qalaid* by Sheikh Daud Al-Fatoni and the book *Hakikat Al Syaitan Al Rajim* by Sheikh Ismail Lutfi Fatoni. Data collection techniques were carried out using reading and recording techniques. The data analysis techniques used are identifying data, grouping data, describing data, and concluding data. The results of the study show that in the comparison of Malay words written by Jawi in the book of Sheikh Daud Al-Fatoni and the book of Sheikh Ismail Lutfi Fatoni, there are two parts, namely similarities and differences. The equation section found the same letter ف (point one) for both authors with different sounds /P/ ف (point three) in the book *Kaedah Ejaan Jawi Fatoni*. Meanwhile, the letters ta marbutah for Arabic loan words are the same for both authors and are in line with *Kaedah Ejaan Jawi Fatoni* book. Meanwhile, the differences section is found to use the letters ta marbutah and ta maftuhah. The letters ta marbutah at the end of the word are used for Arabic loan words, while the letters ta maftuhah are used in the original Malay language. When the witness letter waw is used for the sound /u/ in the syllables /ku/ and /mu/, the ending /i/ in the final syllable /i/ should be in the form of hamzah (ء) before the letter witness /ya/ for the sound /i/.

Keywords: Malay words, Jawi writing, books, Sheikh Daud Al-Fatoni, Sheikh Ismail Lutfi Fatoni

Pendahuluan

Sistem tulisan yang luas dan paling lama digunakan oleh bahasa Melayu ialah tulisan Jawi iaitu yang dianggapkan mula digunakan sejak abad ke-10 Masihi sehingga dewasa ini. Oleh sebab itu, begitu luas dan lamanya tulisan Jawi digunakan dalam manuskrip Melayu, maka istilah Jawi itu telah disamakan dengan bahasa Melayu, tanah Jawi disamakan dengan negeri Melayu dan bangsa Melayu (Haji Musa, 2003). Sebagai alternatif, Kang Kyoung Seock (1990) menyatakan bahawa Sejarah Melayu bermula dengan tulisan Jawi, bersamaan dengan penubuhan kerajaan Islam yang lama.

Perkataan Melayu tulisan Jawi adalah diadaptasikan oleh bahasa Melayu daripada tulisan Arab. Kemudiannya dibuat beberapa penyelesaian dan tambahan agar kegunaan tulisan ini menjadi mantap sebagai medium asas komunikasi bertulis seperti yang kita fahami sekarang ini. Berdasarkan kata adjektif dalam bahasa Arab, perkataan Jawah atau Jawi merujuk kepada semua bangsa dan kaum yang menjadi peribumi di Asia Tenggara malah merangkumi seluruh rumpun bangsa Melayu, Campa, Patani, Aceh, Jawa, Minangkabau, Mandailing, Sunda, Bugis, Banjar, Lombok, Filipina dan negeri-negeri lain (Yusoff, 2005).

Catatan sejarah menunjukkan bahawa tulisan Jawi pertama telah ditemui di Alam Melayu pada abad ketiga Hijrah, dalam konteks wilayah Selatan Thailand, kepentingan tulisan Jawi sebagai tulisan ilmu telah dikesan ketika Patani muncul sebagai pusat tamadun dan kesusasteraan Melayu Islam pada abad ke-18 Masihi dengan limpahan penghasilan kitab-kitab agama bertulisan Jawi (Kitab Jawi) yang kekal menjadi rujukan di hampir keseluruhan institusi pendidikan tradisional di Alam Melayu sehingga ke hari ini (Moain, 1996).

Patani adalah kawasan yang terdiri daripada empat provinsi: Narathiwat, Yala, Pattani, dan sebahagian Songkhla, yang terletak di selatan Thailand (Satha-Anand, 1993). Selain itu, sekitar 80% penduduk Patani adalah umat Islam. Patani terdiri daripada lima provinsi: Narathiwat, Yala, Pattani, Satun, dan sebahagian Songkhla. Ia terletak di kawasan selatan Thailand (Fathy al-Fatani, 2012; Sulong dan Machali, 2016). Lebih-lebih lagi, catatan sejarah menunjukkan bahawa Patani pada masa lalu merupakan sebuah kesultanan Melayu berdaulat, berkuasa penuh, dan berpelabuhan. Tambahan pula, Patani, yang terletak di pesisir pantai dan menjadi pusat perdagangan asing (Bradley, 2009; Yock Fang, 2011; Islahuddin, dkk., 2020a; Islahuddin, dkk., 2020b).

Pada masa lalu, Patani juga dikenali sebagai kawasan yang mempunyai penduduk majoriti muslim, berkebudayaan Melayu, dan berbahasa Dialek Melayu Patani (DMP) dalam kehidupan harian mereka. Ia kemudiannya berkembang menjadi kawasan yang berbeza di

wilayah Thailand (Suhrke, 1977; Syukri, 1985). Walau bagaimanapun, banyak konflik yang berlaku di Patani, yang bermula sejak tahun 1650 Masihi mengakibatkan konflik yang berterusan. Menurut Bradley (2009), konflik bermula dengan perebutan kekuasaan di istana, yang menyebabkan keadaan sosial masyarakat menjadi tidak stabil dan kerajaan Patani runtuh.

Sementara itu, memandangkan di Patani kemunculan institusi pondok ketika zaman tradisi yang kemudiannya terbentuk menjadi madrasah dan sekolah moden di Patani, bahasa Melayu kekal digunakan sebagai bahasa pengantar pengajian yang menggunakan tulisan Jawi. Antara institusi pondok masih aktif menggunakan tulisan Jawi seperti tadika, sekolah agama swasta dan universiti, khususnya Universiti Fatoni yang masih menitik beratkan tulisan Jawi. Semua institusi tersebut menggunakan bahasa Melayu tulisan Jawi sebagai bahasa pengantar. Oleh itu, boleh diiktirafkan bahawa tulisan Jawi menjadi identiti masyarakat Patani.

Senada dengan itu, Virginia Matheson dan M. B. Hooker (1988), menyatakan bahawa tulisan Jawi adalah jenis tulisan yang penting bagi masyarakat Patani. Identiti Patani berbeza dengan Thailand secara keseluruhan dalam tulisan Jawi. Tulisan Jawi juga sebagai sarana masyarakat Patani menerima biasiswa untuk pergi ke Timur Tengah, dimulai dari belajar tulisan Jawi di pondok sebagai bekalan untuk perjalanan pendidikan ke Timur Tengah. Selain itu, tulisan Jawi juga digunakan untuk penulisan kitab berkaitan dengan agama yang mengalami perkembangan pesat dengan penerbitan dan penyebaran kitab Jawi di Thailand selatan dan Malaysia.

Berdasarkan perkembangan tulisan Jawi beberapa abad yang lalu, sekarang ini di Patani masih menimbulkan variasi tulisan Jawi antara penulis, kerana di Patani belum ada kaedah atau pedoman ejaan Jawi yang menjadi pedoman khusus untuk menjadi tempat merujuk tentang menulis Jawi. Hal demikian penulis yang aktif masih menulis buku-buku Jawi mereka tersebut menulis menggunakan kaedah sendiri dengan kebiasaan mereka, ada juga penulis yang latarbelakang mereka belajar di pondok menggunakan kaedah Nahu sebagai kaedahnya dan kebanyakan penulis buku-buku di Patani menggunakan kaedah tersendiri dengan kebiasaan mereka selalu menulis bahasa Melayu tulisan Jawi sudah lama dan banyak pengalaman dalam penulisan sehingga timbul variasi-variasa tulisan Jawi.

Tulisan Jawi telah digunakan oleh orang Melayu dalam berbagai jenis lapangan dan kegiatan penulisan, bahkan untuk kesenian juga tulisan ini digunakan, iaitu seni khat bagi menghiasi mihrab, dinding dalam masjid, batu nisan dan seumpamanya. Begitu juga, sekarang ini tulisan Jawi masih menduduki tempat yang kukuh di tiga wilayah selatan Thai iaitu Pattani,

Yala, dan Narathiwat. Khususnya di sekolah-sekolah agama, taman didikan kanak-kanak masih menggunakan bahasa Melayu tulisan Jawi seperti buku pelajaran agama, papan iklan di masjid, surat undangan bantuan khairat, surat khutbah dan surat kahwinan dan lain-lainnya.

Hal keadaan tersebut, bahasa Melayu tulisan Jawi di selatan Thai masih menggunakan bahasa Melayu tulisan Jawi di kalangan pelajar, tetapi tulisan tersebut menimbulkan kekeliruan atau menimbulkan variasi dalam tulisan mereka kerana beberapa faktor iaitu; pertama, perkembangan tulisan Jawi, pada zaman silam atau disebut tulisan dalam kitab kuning tulisan tersebut tidak menggunakan huruf saksi alif, waw, dan ya seperti perkataan “bumi” ditulis " بوم " pada masa sekarang tulisan " بوم " dapat dibacakan “ bom ”, perkataan “serai” ditulis " سرى " boleh dibacakan “seri” lain maknanya, maka perkataan seperti ini mengelirukan oleh pelajar dan penulisnya yang manakah perlu menggunakan huruf saksi dan perkataan yang manakah tidak menggunakan huruf saksi.

Kedua, bahasa Melayu tulisan Jawi berasal daripada huruf Arab dan beberapa perkataan bahasa Arab diserap ke dalam bahasa Melayu seperti perkataan [selamat] ditulis " سلامت " sedangkan perkataan ini berasal daripada bahasa Arab seharusnya hendak ditulis dengan huruf ta’ marbutah " ة ", begitu juga perkataan yang lain menimbulkan kekeliruan seperti kata [sakit] ditulis " ساكية " sebenarnya perkataan ini berasal daripada bahasa Melayu jati maka tetap ditulis dengan huruf ta’ maftuhah " ت " dan perkataan-perkataan lain lagi, ini adalah fenomena-fenomena yang berlaku terhadap bahasa Melayu tulisan Jawi selatan Thai.

Ketiga, Pedoman Ejaan Jawi jadi pedoman ejaan Jawi di selatan Thai belum ada pedoman yang menjadi tempat rujukan dalam tulisan jawi, yang adanya cuma tulisan yang mengikut kaedah masing-masing yang pernah menulis buku dalam tulisan jawi, hal ini juga menjadi salah satunya tulisan-tulisan Jawi yang ada saat ini menimbulkan variasi dalam tulisan masing-masing. Jika melihat jiran kita iaitu negara Malaysia, ada mereka ada Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, sehingga ada buku tulisan Jawi sebagai tempat rujukan dan dapat menentukan tulisan itu betul atau salah kerana ada pedoman tersebut.

Demikianlah beberapa faktor yang sudah dijelaskan di atas berkaitan dengan tulisan Jawi, iaitu fenomena yang berlaku dalam tulisan Jawi di selatan Thai dan juga di kalangan pelajar. Walau bagaimanapun tulisan Jawi di selatan Thai masih kukuh dan digunakan oleh masyarakat tersebut, untuk menghilangkan kekeliruan dan variasi dalam tulisan Jawi, seluruh tempat yang mengguna bahasa Melayu tulisan Jawi khususnya tiga wilayah selatan Thai,

perlunya ada Pedoman Ejaan Jawi yang dapat menjadi tempat rujukan dalam tulisan kepada kalangan pelajar, guru, pensyarah dan lain-lainnya.

Sementara itu, Fatoni atau Patani terkenal dengan bumi ulama yang dikenali bumi serambi Makkah, kerana pada abad ke-18 sehingga abad ke-19 Masihi wilayah Patani berperan sebagai pusat tamadun Islam dan pusat kegiatan kesusteraan Melayu dengan kitab-kitab yang masyhur yang terkenal bukan sahaja di Patani, tetapi di wilayah Arab, Turki, bahkan Afrika Utara. Selain itu, Patani ramai dikunjungi pelajar Islam dari pelbagai dunia, di antaranya Sri Langka, Burma, Kamboja, Vietnam, Filipina, negeri tanah Melayu, Sumatera terutama, Aceh, Sulawesi, Kalimantan, Jawa, dan Brunei (Pitsuwan, 1989). Di samping itu, Mujani (2002) menyatakan bahawa kedudukan Patani sebagai serambi Makkah di nusantara ditunjukkan oleh perkembangan pondok dan penciptaan buku-buku ulama Patani.

Selanjutnya, salah seorang ulama yang paling terkenal dan banyak menulis kitab Jawi iaitu, Syeikh Daud Al-Fatoni. Beliau merupakan salah satu ulama dan penulis kitab-kitab agama Islam di Patani. Beliau lahir pada tahun 1769 Masihi dan meninggal pada tahun 1847 Masihi. Beliau bersama ulama lain yang sezaman dengannya banyak menerjemahkan kitab-kitab berbahasa Arab ke dalam bahasa Melayu serta mengarang buku-buku beragama Islam berbahasa Melayu dengan menggunakan tulisan Jawi. Selain itu, beliau bersama ulama lainnya juga menyebarkan kitab-kitab tersebut ke pondok-pondok di seluruh Patani sebagai pedoman dalam pengajaran agama Islam (Mujani, 2002).

Selain itu, Syeikh Ismail Lutfi Japakiya juga dikenal dengan sebutan Syeikh Ismail Lutfi Fatoni merupakan Rektor Universiti Fatoni (FTU). Syeikh Ismail Lutfi, bersama cendekiawan Patani, telah menubuhkan universiti Islam, terutamanya Universiti Fatoni bertujuan untuk memberi manfaat kepada semua orang Patani dan di seluruh dunia (Chapakiya, 2021b). Syeikh Ismail Lutfi Fatoni merupakan seorang alim dan pengarang buku dan kitab yang masih kekal tulisan Jawi dalam buku-bukunya. Beliau lahir pada tahun 1952 Masihi., masih hidup sampai sekarang, serta banyak mengarang buku lebih kurang 200 buah buku tentang agama Islam yang tersebar di nusantara.

Oleh kerana itu, kedua-dua pengarang di atas, tulisan beliau menimbulkan variasi kerana kitab Syeikh Daud Al-Fatoni terkenal dengan kitab-kitab lama dan tulisannya sukar untuk dibaca. Manakala buku Syeikh Ismail Lutfi Fatoni lebih kepada moden mengguna huruf saksi untuk mudah dibaca oleh generasi sekarang sehingga membawa kedua buku itu menimbulkan variasi dalam tulisan.

Seterusnya, kajian berkaitan tentang tulisan Jawi pernah dilakukan oleh Kamaruddin Isaya, dkk. (2010) bertajuk “Perkembangan Sistem Tulisan Melayu Patani Menggunakan Tulisan Jawi Pemeliharaan dan Menghidupkan Semula Bahasa dan Budaya Tempatan Kajian Kes: Mukim Khao Tum, Daerah Yarang, Wilayah Pattani.” Hasil kajiannya didapati bahawa bahasa Melayu Patani boleh menggunakan tulisan Jawi yang digunakan secara umumnya, sebanyak 35 huruf digunakan untuk menulis perkataan, baik perkataan Melayu Patani mahupun kata pinjaman dalam bahasa tersebut, iaitu Arab, Thai dan Inggeris. Dalam bahasa Melayu Patani terdapat konsonan iaitu membangunkan reka bentuk simbol glif tambahan untuk 8 unit bunyi.

Begitu juga dengan kajian Lubis dan Kembaren (2018) bertajuk “Tulisan Jawi Jambatan Masa ke Masa Silam dan Usaha Pelestariannya”. Hasil kajiannya didapati bahawa, madrasah atau pesantren yang dianggap sebagai benteng Jawi ternyata tidak benar. Madrasah/pesantren kini telah terbahagi kepada dua bahagian aliran besar. Iaitu, madrasah/pesantren yang beraliran moden dan pesantren yang masih beraliran tradisional. Madrasah/pesantren yang beraliran moden inilah yang sama sekali yang sangat menduka citakan. Madrasah/pesantren yang beraliran moden ini, di samping tidak dapat tulis baca Jawi, tidak juga ada pelajaran tulis baca Jawi. Bahkan satu hal yang sangat menduka citakan ada ustaznya di pesantren yang langsung tidak tahu membaca Jawi. Akan tetapi walau bagaimanapun, ada juga beberapa usaha yang sangat signifikan dan membanggakan yang dijalankan dalam memajukan dan memartabatkan semula tulisan Jawi. Pada masa yang sama pesantren yang beraliran tradisional, masih tetap mengamalkan tulisan Jawi dalam menjalankan pembelajaran, terutama yang berhubungan dengan masalah atau perkara mendobid kitab-kitab yang berbahasa Arab ke bahasa Indonesia. Makalah ini juga bertujuan untuk memperlihatkan bahawa tulisan Jawi perlu direvitalisasi dan dilestarikan sebab ia merupakan Jambatan Masa ke Masa Silam.

Selain itu, kajian yang telah dilakukan oleh Masyhur Dungcik Senen (2018) bertajuk “Tulisan Jawi sebagai Warisan Intelektual Islam Melayu dan Peranannya dalam Kajian Keagamaan di Nusantara”. Hasil kajian diperoleh kesimpulan bahawa tulisan Jawi mulai memegang peranan penting sejak berkembangnya agama Islam di wilayah ini terutama dalam kajian keagamaan. Peran penting ini dibuktikan dengan adanya penggunaan tulisan Jawi dalam sebagian besar naskah keagamaan yang pernah ditemukan di nusantara itu, dan digunakan dalam berbagai lembaga kajian keagamaan di nusantara pada masa itu. Terdapat 900 judul kitab kuning yang sebahagian besarnya dalam tulisan Jawi, meliputi bidang-bidang

ilmu Fiqh, Akidah/Ushuluddin, Nahwu, Kumpulan hadits, Tasawwuf dan Tariqat, Akhlak, Doa/Wirid dan Muja'abat, dan Kisah Anbiya/Maulid/Manaqib, dan ditemukan 114 (Seratus Empat Belas) naskah yang berbicara tentang keagamaan dalam bidang-bidang ilmu tersebut. Temuan ini menunjukkan bahawa tulisan Jawi memainkan peranannya dalam berbagai bidang kajian keagamaan di Nusantara.

Berdasarkan perkara di atas, Fatoni atau Patani terdapat kitab-kitab agama hasil tulisan pengarang Patani yang memiliki perbezaan penulisan. Oleh itu, pengkaji tertarik mengkaji tentang dua ulama yang banyak menulis kitab agama, tetapi terdapat variasi dalam tulisan kitab tersebut. Dengan demikian, kajian ini akan mengenal pasti “Perbandingan Perkataan Melayu Tulisan dalam Kitab Syeikh Daud Al-Fatoni dan Kitab Syeikh Ismail Lutfi Fatoni”.

Tujuan Kajian

1. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti bentuk persamaan dan perbezaan perkataan Melayu tulisan Jawi dalam kitab Syeikh Daud Al-Fatoni dan kitab Syeikh Ismail Lutfi Fatoni.
2. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan persamaan dan perbezaan perkataan Melayu tulisan Jawi dalam kitab Syeikh Daud Al-Fatoni dan kitab Syeikh Ismail Lutfi Fatoni.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif. Metode deskriptif menjelaskan hubungan antara fenomena yang diselidiki dan memberi gambaran secara sistematis (Nasir, 2011). Selain itu, tujuan metode deskriptif membolehkan penggambaran fenomena secara menyeluruh serta pendeskripsian fakta dan populasi tertentu secara sistematis, faktual, dan akurat (Yusuf, 2015).

Sementara itu, sumber data kajian adalah kitab *Jam'u al-Fawa'id wa Jawazir al-Qalaid* (t.th) karya Syeikh Daud Al-Fatoni dan kitab *Hakikat Al Syaitan Al Rajim* (2019) karya Syeikh Ismail Lutfi Fatoni. Instrumen kajian dalam kajian ini adalah peneliti sendiri (Sugiyono, 2017). Selanjutnya, teknik pengumpulan data dilakukan dengan teknik membaca, memindai, dan mencatat.

Analisis data menggunakan teori huruf saksi. Huruf saksi adalah dua atau lebih huruf saksi yang hadir berurutan samaada di awal, di tengah, atau di akhir. Deretan huruf saksi terbahagi kepada dua kategori, iaitu pertama, deretan huruf saksi wujud dalam dua suku kata

(urutan vokal) ialah deretan huruf saksi yang bermula dengan huruf saksi waw "و" atau huruf saksi ya "ي" dan diikuti oleh huruf saksi alif "ا" serta dibunyikan dengan dua suku kata. Kedua, deretan huruf saksi dalam satu suku kata dipanggil diftong, iaitu tanpa memisahkan deretan huruf saksi. Selain itu, terdapat tiga deretan huruf saksi satu suku kata dalam bahasa Melayu, iaitu "اي" (ai) "او" (au) dan "وي" (oi). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa dalam bahasa Melayu tulisan Jawi terdapat enam jenis deretan huruf saksi dalam dua suku kata (urutan huruf saksi) iaitu; "اي", "يا", "او", "وا", "وي", dan "يو", serta tiga jenis deretan huruf saksi dalam satu suku kata (diftong), iaitu "اي", "او" dan "وي" (Chapakiya, 2021a).

Adapun teknik analisis data iaitu: 1) mengidentifikasi data; 2) mengelompokkan data menjadi dua bahagian, iaitu persamaan dan perbezaan; 3) mendeskripsikan data, iaitu menghuraikan data dan memadankan data mengikut buku *Kaedah Ejaan Jawi Fatoni*; 4) menyimpulkan data; dan 5) menyajikan data dengan teknik deskriptif.

Hasil Kajian dan Pembahasan

Hasil kajian dan pembahasan dalam kajian ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu a) persamaan dan perbezaan bentuk perkataan Melayu tulisan Jawi dalam kitab *Jam' u al-Fawaid wa Jawazir al-Qalaid* karya Syeikh Daud Al-Fatoni dan kitab *Hakikat Al Syaitan Al Rajim* karya Syeikh Ismail Lutfi Fatoni dan b) persamaan dan perbezaan penggunaan perkataan Melayu tulisan Jawi dalam kitab *Jam' u al-Fawaid wa Jawazir al-Qalaid* karya Syeikh Daud Al-Fatoni dan kitab *Hakikat Al Syaitan Al Rajim* karya Syeikh Ismail Lutfi Fatoni.

1. Analisis persamaan dan perbezaan bentuk perkataan Melayu tulisan Jawi dalam kitab Syeikh Daud Al-Fatoni dan kitab Syeikh Ismail Lutfi Fatoni

- a. Bentuk persamaan bentuk perkataan Melayu tulisan Jawi dalam kitab Syeikh Daud Al-Fatoni dan kitab Syeikh Ismail Lutfi Fatoni, seperti jadual di bawah ini;

Bil.	Kitab Syeikh Daud Al-Fatoni	Kitab Syeikh Ismail Lutfi Fatoni	Padanan Rumi
1	تمفت	تمفت	tempat
2	فربواتن	فربواتن	perbuatan
3	رحمة	رحمة	rahmat

Daripada jadual di atas dapat disimpulkan bahawa ketiga-tiga perkataan tersebut merupakan perkataan Melayu yang sama dalam tulisan Jawi, sama ada dalam kitab Syeikh Daud Al-Fatoni mahupun kitab Syeikh Ismail Lutfi Fatoni mengikut buku *Kaedah Ejaan Jawi Fatoni* (2021).

- b. Bentuk perbezaan bentuk perkataan Melayu tulisan Jawi dalam kitab Syeikh Daud Al-Fatoni dan kitab Syeikh Ismail Lutfi Fatoni

Bil.	Kitab Syeikh Daud Al-Fatoni	Kitab Syeikh Ismail Lutfi Fatoni	Padanan Rumi
1	سدیكة	سدیكیت	sedikit
2	كتا	كات	kata
3	كملاى	كومولای	kumulai

Daripada jadual di atas dapat disimpulkan bahawa ketiga-tiga perkataan Melayu tersebut merupakan perkataan yang tidak sama dalam tulisan Jawi, sama ada dalam kitab Syeikh Daud Al-Fatoni mahupun kitab Syeikh Ismail Lutfi Fatoni mengikut buku *Kaedah Ejaan Jawi Fatoni* (2021).

2. Analisis persamaan dan perbezaan penggunaan perkataan Melayu tulisan Jawi dalam kitab Syeikh Daud Al-Fatoni dan kitab Syeikh Ismail Lutfi Fatoni

2.1 Analisis persamaan penggunaan perkataan Melayu tulisan Jawi dalam kitab Syeikh Daud Al-Fatoni dan kitab Syeikh Ismail Lutfi Fatoni

a. Perkataan “تمفت” /tempat/ dan “فربواتن” /perbuatan/

Perkataan “تمفت” dan “فربواتن” yang terdapat dalam kitab *Jam’u al-Fawaid wa Jawazir al-Qalaid* (t.th.) karya Syeikh Daud Al-Fatoni dengan kitab *Hakikat Al Syaitan Al Rajim* (2019) karya Syeikh Ismail Lutfi Fatoni, tulisan perkataan “تمفت” dan “فربواتن” adalah sama tulisan antara dua pengarang tersebut.

Jadi, perkataan tersebut adalah kata berasal dari kata jati bahasa Melayu, maka kata tersebut sama tulisannya kedua-dua pengarang. Perkataan tersebut juga dipandukan dengan buku *Kaedah Ejaan Melayu Fatoni* (Chapakiya, 2021a) dan buku *Menulis dan Mengeja Jawi Edisi Kedua* (Abdul Rahman, 2014), huruf ف titik satu sama dengan bunyi huruf /f/ sedangkan bunyi P dipadankan dengan ف titik tiga bunyi /P/. Berdasarkan analisis di atas untuk bunyi /P/ perlu digunakan huruf ف titik tiga. Hal ini disebabkan lambang ف titik satu /f/ memberikan lambang kedua bunyi yang mengelirukan pembaca, untuk menyelesaikan masalah kekeliruan ini penggunaan ف titik tiga di perlukan.

Perkataan “تمفت” /tempat/ dan “فربواتن” /perbuatan/ kedua-dua penulis tulisannya adalah sama dari segi huruf ف titik satu, apabila dibandingkan dengan buku *Kaedah Ejaan Jawi Fatoni* (Chapakiya, 2021a) didapati bunyi /P/ dipadankan ف

titik tiga. Manakala kedua pengarang menghasilkan bunyi /P/ menggunakan huruf ف titik satu. Mengikut buku *Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan* oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (1986) dan buku *Kaedah Ejaan Jawi Fatoni* (Chapakiya, 2021a) mengikut dua kaedah tersebut menyatakan ف titik tiga, untuk membezakan antara /p/ dan /f/, jadi, /p/ hasil bunyi ف titik tiga dan /f/ hasil bunyi ف titik satu.

b. Perkataan “رحمة” /rahmat/

Perkataan “رحمة” yang ditulis dalam kitab *Jam’u al-Fawaid wa Jawazir al-Qalaid* (t.th.) karya Syeikh Daud Al-Fatoni dengan kitab *Hakikat Al Syaitan Al Rajim* (2019) karya Syeikh Ismail Lutfi Fatoni, perkataan “رحمة” adalah sama tulisan antara dua pengarang tersebut.

Perkataan tersebut berasal dari bahasa Arab, maka kata tersebut sama tulisannya kedua-dua pengarang. Perkataan tersebut juga dipandukan dengan *Kaedah Ejaan Melayu Fatoni* (Chapakiya, 2021a) huruf ta marbutah (ة) sama tulisannya, kerana mengikut kaedah tersebut menyatakan bahawa perkataan yang dipinjam dari bahasa Arab tetap mengikut dalam bahasa sumber atau bahasa asalnya.

Perkataan “رحمة” yang ditulis oleh kedua pengarang adalah sama, hal ini selaras dengan *Kaedah Ejaan Jawi Fatoni* (Chapakiya, 2021a) yang menyatakan bahawasanya perkataan asal daripada bahasa Arab tetap atau kekal sesuai tulisan dalam bahasa asalnya.

2.2 Analisis perbezaan penggunaan perkataan Melayu tulisan Jawi dalam kitab Syeikh Daud Al-Fatoni dan kitab Syeikh Ismail Lutfi Fatoni

a. Perkataan “سدیكة” /sedikit/ atau “سدیكيت” /sedikit/

Perkataan “سدیكة” yang ditulis dalam kitab *Jam’u al-Fawaid wa Jawazir al-Qalaid* (t.th.) karya Syeikh Daud Al-Fatoni dengan kitab *Hakikat Al Syaitan Al Rajim* (2019) karya Syeikh Ismail Lutfi Fatoni, perkataan Melayu tulisan Jawi “سدیكيت” kedua-dua perkataan tersebut mengandungi makna yang sama iaitu; kurang, sedikit atau tidak banyak, tetapi timbul perbezaan tulisan antara dua pengarang.

Jadi, perkataan tersebut apabila dipandukan dengan buku *Kaedah Ejaan Jawi Fatoni* (Chapakiya, 2021a), yang lebih tepat dan sesuai tulisan dan penggunaan ta maftuhah (ت) kerana perkataan /sedikit/ adalah kata asal jati bahasa Melayu, sedangkan ta marbutah (ة) digunakan untuk perkataan bahasa Arab. Jadi kedua-dua tulisan tersebut apabila dipadankan mengikut *Kaedah Ejaan Jawi Fatoni* (2021) lebih tepat dan sesuai menggunakan ta maftuhah (ت).

Perkataan “ **سديكة** ” yang ditulis dalam kitab Syeikh Daud Al-Fatoni tidak menggunakan huruf saksi untuk membunyi /kit/ sebagaimana *Kaedah Ejaan Jawi Fatoni* (Chapakiya, 2021a) untuk membunyi /kit/ ada huruf saksi ya.

Hal demikian, perkataan “ **سدikit** ” yang ditulis oleh Syeikh Ismail Lutfi Fatoni dalam kitab *Hakikat Al Syaitan Al Rajim* (2019) karya Syeikh Ismail Lutfi Fatoni adalah selaras dengan *Kaedah Ejaan Jawi Fatoni* (Chapakiya, 2021a) yang menyatakan bahawa perkataan tersebut adalah perkataan asal daripada bahasa Melayu maka perkataan asal dari bahasa Melayu hendaklah menggunakan huruf ta maftuhah (ت).

b. Perkataan “ **كتا ” /kata/ atau “ **كات** ” /kata/**

Perkataan “ **كتا** ” yang ditulis dalam kitab *Jam’u al-Fawaid wa Jawazir al-Qalaid* (t.th.) karya Syeikh Daud Al-Fatoni dengan kitab *Hakikat Al Syaitan Al Rajim* (2019) karya Syeikh Ismail Lutfi Fatoni, perkataan “ **كات** ” kedua-dua perkataan tersebut mengandungi makna yang sama iaitu; sesuatu yang diucapkan, cakap atau ujar, tetapi kedua-dua perenggarang dalam tulisan mereka adalah berbeza.

Jadi, perkataan “ **كتا** ” /kata/ yang di tulis dalam kitab Syeikh Daud Al-Fatoni dalam kitab *Jam’u al-Fawaid wa Jawazir al-Qalaid* (t.th.), menimbulkan proses penambahan huruf alif “ا” pada suku kata akhir, jika dipadankan dengan buku *Kaedah Ejaan Jawi Fatoni* (Chapakiya, 2021a) kata tersebut tidak digunakan huruf alif “ا” pada suku kata akhir kerana kata tersebut tidak tergolong dalam hukum **darlung** iaitu apabila perkataan atau suku kata akhir mengakhiri dengan huruf dal (د) ra’ (ر) lam (ل) waw (و) nga (غ) mengikut buku tersebut perlu menggunakan huruf alif “ا” di akhir kata, tetapi perkataan tersebut mengakhiri dengan huruf “ت” mengikut hukum luar **darlung** tidak perlu menggunakan huruf alif “ا”.

Oleh kerana itu, tulisan yang lebih tepat dengan buku *Kaedah Ejaan Jawi Fatoni* (Chapakiya, 2021a) tulisan oleh Syeikh Ismail Lutfi Fatoni kitab *Hakikat Al Syaitan Al Rajim* (2019) karya Syeikh Ismail Lutfi Fatoni lebih tepat dan sesuai apabila dipadankan tidak menggunakan huruf alif “ا”.

Perkataan “ **كتا** ” /kata/ tulisan Syeikh Daud Al-Fatoni berbeza dengan Syeikh Ismail Lutfi Fatoni. Hal ini jika dibandingkan dengan *Kaedah Ejaan Jawi Fatoni* (Chapakiya, 2021a), perkataan tersebut tidak tergolong dalam hukum darlung, hukum darlung ialah hukum yang menyatakan kata-kata Melayu jati apabila dua suku kata terbuka menggunakan bunyi huruf saksi alif “ا” maka ejaannya hendaklah

menggunakah huruf saksi alif “ا” pada kedua-dua suku kata. Manakala perkataan “کتا” /kata/ yang ditulis oleh Syeikh Daud Al-Fatoni menggunakan huruf saksi alif “ا” pada akhir perkataan, mengikut Kaedah tersebut menyatakan huruf alif “ا” tidak digunakan kerana tidak tergolong dalam hukum darlung.

c. Perkataan “کملای” /kumulai/ atau “کومولای” /kumulai/

Perkataan “کملای” yang ditulis dalam kitab Syeikh Daud Al-Fatoni dalam kitab *Jam’u al-Fawaid wa Jawazir al-Qalaid* (t.th.) karya Syeikh Daud Al-Fatoni dengan kitab *Hakikat Al Syaitan Al Rajim* (2019) karya Syeikh Ismail Lutfi Fatoni, perkataan “کومولای” perkataan tersebut mengandungi makna yang sama.

Perkataan “کملای” yang ditulis dalam kitab Syeikh Daud Al-Fatoni dalam kitab *Jam’u al-Fawaid wa Jawazir al-Qalaid* (t.th.) berbeza tulisan dengan kitab Syeikh Ismail Lutfi Fatoni kitab *Hakikat Al Syaitan Al Rajim* (2019), tulisan tersebut tidak menggunakan huruf saksi untuk membunyikan perkataan “ku” dan “mulai” disambung terus tanpa menggunakan huruf saksi waw (و), manakala perkataan “کومولای” dalam kitab Syeikh Ismail Lutfi Fatoni kitab *Hakikat Al Syaitan Al Rajim* (2019), menggunakan huruf saksi waw (و), manakala bunyi “i” diakhir kata “mulai” menggunakan huruf saksi ya (ي).

Berdasarkan perkataan /ku/ dan /mulai/ “کملای” pengarang Syeikh Daud Al-Fatoni tidak menggunakan huruf saksi untuk mengasingkan perkataan /ku/ dan /mulai/ berbanding dengan pengarang Syeikh Ismail Lutfi Fatoni yang mengasingkan perkataan /ku/ dan /mulai/ dengan menggunakan huruf saksi waw (و).

Perkataan “کملای” yang ditulis dalam kitab Syeikh Daud Al-Fatoni menimbulkan perbezaan antara tulisan Syeikh Ismail Lutfi Fatoni. Hal ini jika dibandingkan dengan Kaedah Ejaan Jawi Fatoni (Chapakiya, 2021a), perkataan “کملای” yang ditulis Syeikh Daud Al-Fatoni tidak mempunyai huruf saksi untuk bunyi /u/ pada suku kata /ku/ dan /mu/. Manakala perkataan “کومولای” tulisan Syeikh Ismail Lutfi Fatoni sudah menggunakan huruf saksi /waw/ untuk membunyikan /u/ pada suku kata /ku/ dan /mu/, untuk suku kata terakhir /i/ pada tulisan Syeikh Daud “کملای” tidak wujud huruf hamzah (ء) sedangkan tulisan Syeikh Ismail Lutfi Fatoni wujud huruf hamzah (ء).

Berdasarkan Buku Kaedah Ejaan Jawi Fatoni (Chapakiya, 2021a), tulisan Syeikh Ismail Lutfi Fatoni selaras dengan kaedah dalam buku tersebut yang menyatakan

bahawasanya fungsi huruf hamzah (ء) diakhiran /i/ perlu tambah huruf saksi ya diakhir kata.

Kesimpulan

Berdasarkan hasil kajian dan pembahasan di atas, dapat disimpulkan sebagai berikut. Pertama, secara keseluruhan perbandingan perkataan Melayu tulisan Jawi dalam kitab Syeikh Daud Al-Fatoni dan kitab Syeikh Islail Lutfi Fatoni terdapat dua bahagian iaitu persamaan dan perbezaan. Kedua, bahagian persamaan didapati persamaan huruf ف (titik satu) bagi kedua-dua pengarang yang berbeza bunyi /P/ ف (titik tiga) dalam Buku *Kaedah Ejaan Jawi Fatoni*. Manakala huruf ta marbutah bagi kata serapan Bahasa Arab adalah sama bagi kedua pengarang dan selaras dengan *Kaedah Ejaan Jawi Fatoni*.

Ketiga, bahagian perbezaan didapati bahawa menggunakan huruf ta marbutah dan ta maftuhah. Huruf ta marbutah di akhir kata digunakan untuk kata serapan bahasa Arab, manakala huruf ta maftuhah digunakan untuk dalam bahasa jati Melayu asalnya. Manakala huruf saksi waw digunakan untuk bunyi /u/ pada suku kata /ku/ dan /mu/ dan akhiran /i/ pada suku kata akhir /i/ hendaklah wujud hamzah (ء) sebelum huruf saksi /ya/ untuk bunyi /i/.

Selain itu, hasil kajian boleh digunakan sebagai contoh pelbagai perkataan Melayu dalam tulisan Jawi sebagai jati diri Melayu Patani dalam mempertahankan bahasa ibunda mereka. Kajian ini juga boleh digunakan untuk meningkatkan kemahiran membaca kitab Jawi dan untuk membantu dalam pengajaran mata kursus Kemahiran Jawi di Universiti Fatoni atau di mana-mana tempat lain.

Rujukan

- Abdul Rahman, Hamdan. (2014). *Panduan Menulis dan Mengeja Jawi Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bradley, F. (2009). Moral Order in a Time of Damnation: The "Hikayat Patani" in Historical Context. *Journal of Southeast Asian Studies*, 40(2), 267-293.
- Chapakiya, Suraiya. (2021a). *Kaedah Ejaan Jawi Fatoni*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chapakiya, Suraiya. (2021b). Perkembangan Tulisan Jawi Sebagai Warisan Bangsa Melayu Patani. *1st International Symposium on Cultural Heritage (ISyCH)*, hlm. 32-29. Kelantan: Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan.
- Fathy Al-Fatani, A. (2012). Dilema Basa Yawi di Selatan Thai: Antara Kesetiaan Bahasa dan Cabaran Semasa. *Jurnal Melayu* (9), 99-112.
- Fatoni, Ismail Lutfi. (2019). *Hakikat Al Syaitan Al Rajim*. Fatoni: Jamiah Fatoni.
- Haji Musa, Hashim. (2003). *Sejarah Sistem Tulisan dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Islahuddin, Tawandorloh, K., & Chema, A. (2020a). Konflik Sosial dalam Hikayat Patani. *Stilistika: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra*, 13(2), 198-215. DOI: <http://dx.doi.org/10.30651/st.v13i2.5026>.
- Islahuddin, Tawandorloh, K., Hama, R., & Chapakia, F. (2020b). Transformasi dalam Novel Ratu-Ratu Patani Karya Isma Ae Mohamad: Kajian Intertekstual Julia Kristeva. *BAHA STRA*, 40(1), 20-28. DOI: <http://dx.doi.org/10.26555/bahastra.v40i1.14960>.
- Kamaruddin Isaya, Charuwat Song Mueang, Abdulkareem Sameng, dan Harech Chado. (2010). Perkembangan Sistem Tulisan Melayu Patani Menggunakan Tulisan Jawi Pemulihaan dan Menghidupkan Semula Bahasa dan Budaya Tempatan Kajian Kes: Mukim Khao Tum, Daerah Yarang, Wilayah Pattani. *Journal of Language and Culture*. Vol. 29 (1), 36-56.
- Kang, Kyoung Seock. (1990). *Perkembangan Tulisan Jawi dalam Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lubis, M., & Kembaren, M. M. (2018). Tulisan Jawi: Jambatan Masa ke Masa Silam dan Usaha Pelestariannya. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*. Vol.6(1), 61 - 73.
- Matheson, Virginia dan M. B. Hooker. (1988). Jawi Literature in Patani: The Maintenance of an Islamic Tradition. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 61(1), pp. 1-86.
- Moain, Amat Juhari. (1996). *Perancangan Bahasa: Sejarah Aksara Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mujani, Wan Kamal. (2002). *Minoriti Muslim: Cabaran dan Harapan Menjelang Abad Ke-21*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Nasir, M. (2011). *Metodologi Penelitian*. Jakarta: Ghalia Indonesia.
- Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan*. (1986). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pitsuwan, Surin. (1989). *Islam di Muangthai: Nasionalisasi Melayu Masyarakat Patani*. Jakarta: LP3ES.
- Satha-Anand, C. (1993). Kru-ze: A Theatre for Renegotiating Muslim Identity. *Sojourn: Journal of Social Issues in Southeast Asia*, 8(1), 195-218.
- Senen, M. (2018). Tulisan Jawi Sebagai Warisan Intelektual Islam Melayu dan Peranannya dalam Kajian Keagamaan di Nusantara. *Tamaddun: Jurnal Kebudayaan dan Sastra Islam*. Vol.18(2), 87-99. <https://doi.org/https://doi.org/10.19109/tamaddun.v18i2.1952>.
- Sugiyono. (2017). *Metode Penelitian Kuantitatif, Kualitatif, dan R&D*. Bandung: Alfabeta.
- Suhrke, A. (1977). Loyalists and Separatists: The Muslims in Southern Thailand. *Asian Survey*, 17(3), 237-250. DOI:10.2307/2643498.
- Sulong, K. & Machali, I. (2016). Dampak Konflik dan Resolusi Konflik Terhadap Sistem Pendidikan Agama Islam di Sekolah Songserm Islam Seksa Patani, Thailand Selatan. *Jurnal Ulul Albab*, 17(2), 147-162. DOI:<https://doi.org/10.18860/ua.v17i2.3546>.
- Syeikh Daud Al-Fatoni. (t.th.). *Jam'u al-Fawaid wa Jawazir al-Qalaid*. Makkah: Maktab Wamutabaah Muhammad Al-Bahdi Wa Auladah.
- Syukri, I. (1985). *History of the Malay Kingdom of Patani* (translated by Conner Bailey and Jhon N. Miksic). Athens: Ohio University Press.
- Yock, F. L. (2011). *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- Yusoff, Mohd. Alwee. (2005). Perkembangan Tulisan Jawi dan Aplikasinya dalam Masyarakat Islam di Malaysia. *Jurnal Usuluddin*. Bil (21), 23-38.
- Yusuf, A. Muri. (2015). *Metode Penelitian Kuantitatif, Kualitatif & Penelitian Gabungan*. Jakarta: Prenadamedia Group.